



**SIARAN MEDIA
JABATAN ALAM SEKITAR**

**LAPORAN STATUS KUALITI UDARA
DALAM NEGARA**

3 Mac 2025, PUTRAJAYA - Indeks Pencemar Udara (IPU) yang direkodkan di laman web Jabatan Alam Sekitar pada jam 4 petang ini menunjukkan 30 kawasan mencatatkan status kualiti udara pada tahap baik, 37 kawasan mencatatkan status kualiti udara pada tahap sederhana dan satu (1) kawasan mencatatkan status kualiti udara pada tahap sangat tidak sihat iaitu di Balok Baru, Kuantan Pahang (IPU : **250**) yang disebabkan oleh kebakaran tanah gambut di Ladang Kelapa Cherating, Kuantan, Pahang.

Susulan daripada status bacaan IPU mencecah bacaan 201-300 di Balok Baru, Kuantan Pahang, Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah mengeluarkan Nota Pemberitahuan Amaran 3A & 3B kepada Pusat Kawalan Bencana Negara (NDCC) untuk tindakan hebahan Notis Kesiapsiagaan Operasi Bencana ke peringkat negeri dan daerah terbabit untuk mengaktifkan Jawatankuasa Pengurusan Bencana Peringkat Daerah/Negeri dan mengambil segala tindak balas berdasarkan Pelan Tindakan Jerebu Kebangsaan

JAS telah meningkatkan tindakan penguatkuasaan dan aktiviti pemantauan melalui darat dan udara dengan menggunakan drone serta memantau bacaan IPU dari masa ke semasa. Koordinasi di antara agensi berkaitan bagi merancang kerja-kerja pemadaman dan kawalan kebakaran turut telah diadakan.

Peta Jerebu Serantau yang dikeluarkan oleh ASEAN Specialised Meteorological Centre (ASMC) pada 3 Mac 2025 melaporkan di rantau ASEAN selatan mengalami cuaca mendung di kebanyakan bahagian kecuali bahagian Semenanjung Malaysia dan bahagian utara Sumatera. Beberapa kawasan panas terpencil telah dikesan di Semenanjung Malaysia dan tengah Sumatera, dengan kepulan asap setempat diperhatikan berpunca daripada titik panas yang dikesan di kawasan pantai timur Semenanjung Malaysia.

Semua pemilik tanah dinasihatkan supaya memantau secara rapi kawasan-kawasan yang mudah dan sering terbakar seperti tapak pelupusan sampah, hutan, tanah gambut, ladang, kawasan pertanian dan industri serta mengambil langkah-langkah untuk mencegah pencerobohan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggung jawab sehingga menyebabkan pembakaran terbuka sama ada untuk tujuan tertentu atau dengan tidak sengaja.

NASIHAT KEPADA ORANG RAMAI

- Bacaan IPU terkini setiap jam boleh dirujuk di laman web Jabatan Alam Sekitar (JAS) di alamat url, <http://apims.doe.gov.my/> atau dengan memuat turun aplikasi telefon pintar rasmi MyIPU di 'Google Play' .
- Orang ramai dinasihatkan melayari laman web Kementerian Kesihatan Malaysia (www.moh.gov.my) bagi mendapatkan nasihat kesihatan dan langkah-langkah pencegahan semasa jerebu;
- Orang ramai diingatkan **agar tidak melakukan pembakaran terbuka atau membiarkan tanah atau premis kepunyaan mereka dimasuki atau dicerobohi oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab sehingga menyebabkan pembakaran terbuka untuk tujuan tertentu atau dengan tidak sengaja.** Menurut Seksyen 29(A), Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127) Pindaan 2024, di mana mereka yang disabitkan dengan kesalahan melakukan pembakaran terbuka boleh dikenakan denda minimum RM25,000 (dua puluh lima ribu ringgit) sehingga maksimum RM1,000,000 (satu juta ringgit) atau penjara selama tempoh sehingga 5 tahun atau kedua-duanya sekali. Disamping itu, kompaun boleh dikenakan tidak melebihi 50% denda maksimum

- Orang ramai diminta bekerjasama untuk memadam kebakaran-kebakaran kecil dan juga melaporkan kes-kes pembakaran terbuka atau kebakaran kepada Jabatan Perkhidmatan Bomba dan Penyelamat di talian **999** dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) di talian bebas tol, **1-800-88-2727**

-TAMAT-


DATO' WAN ABDUL LATIFF BIN WAN JAFFAR

Ketua Pengarah Alam Sekitar Malaysia

Jabatan Alam Sekitar

PETA JEREBU SERANTAU PADA 3 MAC 2025

Regional Haze Situation



Latest Weather and Haze Situation

Elsewhere, showers were observed over most part of the southern ASEAN region overnight, except over Peninsular Malaysia and northern parts of Sumatra. Few to isolated hotspots were detected mainly in Peninsular Malaysia and central Sumatra, with a localised smoke plume observed to emanate from a hotspot detected in the eastern coastal area of Peninsular Malaysia.

Updated 10:48 AM 03 Mar

Weather and Haze Outlook

Meanwhile, shower activities are expected over the southern ASEAN region in the coming days and the hotspot activity in the region is expected to remain low. The winds south of the Equator are forecast to be light and variable in direction.

Updated 10:48 AM 03 Mar

BACAAN IPU BAGI SELURUH MALAYSIA JAM 4 PETANG, 3 MAC 2025

Station ID	Location	API	Class
CA01R	Kangar, PERLIS	48**	Good
CA02K	Langkawi, KEDAH	53**	Moderate
CA03K	Alor Setar, KEDAH	57**	Moderate
CA04K	Sungai Petani, KEDAH	59**	Moderate
CA05K	Kulim Hi-Tech, KEDAH	59**	Moderate
CA06P	Seberang Jaya, PULAU PINANG	60**	Moderate
CA07P	Seberang Perai, PULAU PINANG	62**	Moderate
CA08P	Minden, PULAU PINANG	57**	Moderate
CA09P	Balik Pulau, PULAU PINANG	58**	Moderate
CA10A	Taiping, PERAK	63**	Moderate
CA11A	Tasek Ipoh, PERAK	58**	Moderate
CA12A	Pegoh Ipoh, PERAK	63**	Moderate
CA13A	Seri Manjung, PERAK	44**	Good
CA14A	Tanjung Malim, PERAK	52**	Moderate
CA18B	Kuala Selangor, SELANGOR	46**	Good
CA19B	Petaling Jaya, SELANGOR	54**	Moderate
CA20B	Shah Alam, SELANGOR	57**	Moderate
CA21B	Klang, SELANGOR	54**	Moderate
CA22B	Banting, SELANGOR	62**	Moderate
CA15W	Batu Muda, W.P. KUALA LUMPUR	63**	Moderate
CA16W	Cheras, W.P. KUALA LUMPUR	56**	Moderate
CA17W	Putrajaya, W.P. PUTRAJAYA	60**	Moderate
CA23N	Nilai, NEGERI SEMBILAN	57**	Moderate
CA24N	Seremban, NEGERI SEMBILAN	55**	Moderate
CA25N	Port Dickson, NEGERI SEMBILAN	60**	Moderate
CA26M	Alor Gajah, MELAKA	43**	Good
CA27M	Bukit Rambai, MELAKA	56**	Moderate
CA28M	Bandaraya Melaka, MELAKA	54**	Moderate
CA29J	Segamat, JOHOR	40**	Good
CA31J	Batu Pahat, JOHOR	53**	Moderate
CA32J	Kluang, JOHOR	34**	Good
CA33J	Larkin, JOHOR	42**	Good
CA34J	Pasir Gudang, JOHOR	40**	Good
CA35J	Pengerang, JOHOR	53**	Moderate
CA36J	Kota Tinggi, JOHOR	42**	Good
CA65J	Tangkak, JOHOR	57**	Moderate
CA37C	Rompin, PAHANG	53**	Moderate
CA38C	Temerloh, PAHANG	54**	Moderate
CA39C	Jerantut, PAHANG	54**	Moderate
CA40C	Indera Mahkota Kuantan, PAHANG	58**	Moderate
CA41C	Balok Baru Kuantan, PAHANG	250**	Very Unhealthy
CA42T	Kemaman, TERENGGANU	53**	Moderate
CA43T	Paka, TERENGGANU	30**	Good
CA44T	Kuala Terengganu, TERENGGANU	72**	Moderate
CA45T	Besut, TERENGGANU	41**	Good
CA46D	Tanah Merah, KELANTAN	58**	Moderate
CA47D	Kota Bharu, KELANTAN	57**	Moderate
CA48S	Tawau, SABAH	43**	Good
CA49S	Sandakan, SABAH	36**	Good
CA50S	Kota Kinabalu, SABAH	41**	Good
CA51S	Kimanis, SABAH	34**	Good
CA52S	Keningau, SABAH	35**	Good
CA53L	Lebuan, W.P. LABUAN	31**	Good
CA54Q	Limbang, SARAWAK	25**	Good
CA55Q	ILP Miri, SARAWAK	26**	Good
CA56Q	Miri, SARAWAK	27**	Good
CA57Q	Samalaju, SARAWAK	38**	Good
CA58Q	Bintulu, SARAWAK	38**	Good
CA59Q	Mukah, SARAWAK	19**	Good
CA60Q	Kapit, SARAWAK	22**	Good
CA61Q	Sibu, SARAWAK	30**	Good
CA62Q	Sarikei, SARAWAK	30**	Good
CA63Q	Sri Aman, SARAWAK	15**	Good
CA64Q	Samarahan, SARAWAK	35**	Good
CA65Q	Kuching, SARAWAK	30**	Good
MCAQM001	JOHAN SETIA	61**	Moderate
MCAQM002	IPD Serlan	22**	Good
MCAQM003	Politeknik Kota Kinabalu	53**	Moderate